

EKONOMI

Kenaikan jangan membebankan

BARU-BARU ini, kerajaan melalui Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli bercadang untuk menaikkan tarif air di seluruh negara.

Umum sedia maklum bahawa kenaikan tarif air perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti air serta menjamin keupayaan dan kelestarian industri perkhidmatan pembekalan air.

Tambahan kutipan daripada kenaikan tarif air boleh digunakan untuk menambah baik infrastruktur saluran pengagihan air agar dapat mengurangkan kadar kebocoran akibat daripada kerosakan paip dan kecurian.

Bagaimana kerajaan boleh memastikan kenaikan tarif air ini tidak membebankan rakyat berpendapatan rendah dan mempunyai saiz keluarga yang besar?

Apakah bentuk diskriminasi harga yang boleh dicadangkan di bawah penstrukturan semula tarif ini?

Rakyat perlu mengetahui terlebih dahulu cadangan penstrukturan semula tarif air kerana mereka akan terkesan secara langsung dan tidak langsung.

Rakyat akan terkesan secara langsung melalui penggunaan terus air oleh isi rumah.

Secara tidak langsung, rakyat akan membayar kos tambahan apabila membeli barangan berasaskan air seperti minuman dan makanan.

Bagi tidak membebankan rakyat, penstrukturan semula tarif air perlu bersandarkan kepada *water footprint* atau jejak ekologi penggunaan air oleh setiap individu atau isi rumah di Malaysia.

Water footprint memberi pengukuran jumlah liter sehari purata penggunaan air oleh individu atau isi rumah.

Menariknya, kaedah



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHD YUSOF SAARI**

itu juga boleh dikira untuk golongan isi rumah berpendapatan terendah 40 peratus (B40), pertengahan 40 peratus (M40) dan tertinggi 20 peratus (T20) mengikut negeri dan kawasan.

Apabila jejak ekologi penggunaan air diperolehi, kerajaan misalnya boleh mengenakan tarif air yang lebih tinggi kepada pengguna jika melepasi kadar purata penggunaan air yang dipersetujui.

Kajian

Pendekatan ini dapat memastikan isi rumah yang menjalankan perniagaan secara tidak formal seperti perniagaan membasuh kereta dan penyediaan makanan akan membayar tarif air lebih tinggi.

Kerajaan seharusnya memberi tumpuan kepada gelagat penggunaan air oleh sektor-sektor ekonomi.

Kajian penulis bersama-sama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati, kebanyakan sektor-sektor ekonomi menikmati kemudahan air secara 'percuma'.

Sektor pertanian umpamanya, menggunakan air daripada sumber bawah tanah tanpa perlu membayar sebarang tarif.

Jika bayaran dikenakan pun oleh pihak berwajib dalam bentuk lesen penggalan sumber bawah tanah, namun ia sangat minimum.

Mengikut laporan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, terdapat antara tiga hingga lima trilion meter padu sumber air bawah tanah di

seluruh negara ketika ini dan Kelantan menjadi satu-satunya negeri yang menggunakan sumber air bawah tanah.

Penggunaan air bawah tanah di Kelantan kebanyakannya dilakukan oleh isi rumah.

Bagi mendapatkan gambaran keseluruhan, pihak kementerian perlu mengemukakan perangkaan kadar penggunaan air bawah tanah oleh sektor-sektor ekonomi.

Di samping itu, kerajaan juga perlu meneliti hubungan penggunaan air oleh sektor-sektor ekonomi dan pasaran barangan.

Umpamanya, jika sebahagian besar keluaran sektor berintensifkan air seperti minuman mengeksport barangan mereka ke luar negara, maka kerajaan perlu mengenakan tarif yang lebih tinggi kerana Malaysia secara tidak langsung 'menyara' orang luar.

PROF. MADYA DR. MOHD YUSOF SAARI merupakan pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan juga Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia.



PENSTRUKTURAN semula tarif air perlu bersandarkan kepada jejak ekologi penggunaan air oleh setiap orang.